

16 NOV 2000

PAK LAH Pengerusikan Mesyuarat MT

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Abdullah yang juga Timbalan Presiden Umno mempengerusikan mesyuarat itu menggantikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menghadiri mesyuarat pemimpin-pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Bandar Seri Begawan, Brunei.

Mesyuarat yang bermula pada pukul 3.30 itu dijangka merapikan lagi draf cadangan pindaan perlembagaan Umno untuk dikemuka dan dibahaskan pada Perhimpunan Agung Khas parti itu, di sini Sabtu ini.

Mesyuarat MT pada 30 Okt lepas meluluskan draft cadangan meminda tempoh pemilihan anggota MT dan peringkat Bahagian mengikut penggal Dewan Rakyat, lima tahun sekali berbanding tiga tahun ketika ini.

MT itu juga meluluskan cadangan penubuhan Puteri Umno dan mengekalkan sistem kuota bagi pemilihan MT serta beberapa cadangan lain.

-- BERNAMA

RZS ZS RI